

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
PJ HILTON, PETALING JAYA, SELANGOR  
PELANCARAN LOGO PROJEK 1001 GELANGGANG RAKYAT  
17 JULAI 1995**

1. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita semua hadir di Majlis Pelancaran Logo Projek 1001 Gelanggang Rakyat pada malam ini. Bagi pihak Yayasan Badminton Malaysia, saya ingin mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian serta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tetamu-tetamu kenamaan lain kerana turut bersama-sama Yayasan untuk menjayakan majlis ini.

2. Seperti yang kita sedia maklum, Badminton ialah satu-satunya sukan yang sentiasa berada rapat di sanubari setiap warga Malaysia. Ia juga merupakan satu-satunya sukan di mana kita pernah menjadi Johan Dunia, dan masih mampu dan boleh menjadi Johan Dunia. Saya ingin membawa hadirin sekalian mengimbas kembali ke Pertandingan Akhir Piala Thomas 1992. Perancangan dan pelaksanaan projek yang bersistematik oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) selama lebih 5 tahun, disulami dengan usaha yang komited oleh para pemain, jurulatih dan pegawai-pegawai untuk memenangi Piala Thomas selepas 25 tahun, sebenarnya membawa bukan sahaja kemenangan kepada Malaysia, akan tetapi lebih dari itu. Kita merasakan wujud satu perasaan 'togetherness' dan satu identiti, serta rasa bangga sebagai warga Malaysia. Dan setiap warga Malaysia bersatu merayakan kejayaan itu.

3. Selepas itu setiap orang berminat untuk bermain badminton. Saya telah menerima banyak surat daripada orang perseorangan yang mahukan gelanggang untuk melatih anak-anak mereka. Ini telah mencetuskan minat Yayasan Badminton Malaysia (YBM) dalam tahun 1993 untuk membina gelanggang-gelanggang badminton di seluruh negara, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Harapan kami ialah ianya akan membolehkan seramai mungkin rakyat Malaysia mendapat peluang bermain badminton. Manalah kita tahu, entah berapa ramai johan-johan dunia yang dapat kita cungkil dari kawasan-kawasan tersebut.

4. Walau bagaimanapun, idea tersebut telah ditangguhkan pada ketika itu kerana tumpuan adalah terhadap penyediaan satu pasukan untuk mempertahankan Piala Thomas di Jakarta pada bulan Mei 1994, dan juga untuk memenangi sebanyak mungkin pingat emas dalam Sukan Komanwel di Victoria, Canada pada bulan Ogos 1994.

5. Sebaik sahaja selepas Sukan Komanwel, telah timbul masalah dalam BAM mengenai beberapa perkara berkaitan dengan tuduhan-tuduhan terhadap BAM dan pegawai-pegawainya. Syukur alhamdulillah, perkara ini telah pun diatasi dan dengan itu bolehlah BAM meneruskan semua projek yang terbengkalai, terutamanya pembinaan 1001 gelanggang di seluruh negara.

6. Konsep asal hanyalah untuk membina gelanggang-gelanggang biasa atau 'outdoor-courts'. Bagi menjadikan konsep ini lebih 'objective-oriented', maka Yayasan Badminton Malaysia juga akan membina dewan-dewan tertutup yang boleh memuatkan satu gelanggang badminton. Gelanggang-gelanggang tertutup ini akan menjadi nukelias (pusat) dan akan dibina di kawasan-kawasan di mana ia boleh menampung keperluan 10 gelanggang terbuka di sekelilingnya, dan sebilangan penduduk dalam lingkungan 100,000 orang.

7. Bagi menentukan supaya penduduk di sekeliling gelanggang-gelanggang tersebut mendapat latihan badminton yang sewajarnya, 'coaching clinics' akan dijalankan di dewan-dewan nukelias ini setiap bulan oleh Persatuan Badminton Negeri yang berkaitan. Apabila bilangan dewan-dewan ini mencukupi di seluruh negara, kami bercadang untuk mengadakan satu pertandingan khusus untuk gelanggang-gelanggang nukelias bagi mencungkil dan mengenalpasti jaguh-jaguh. Yayasan Badminton Malaysia (YBM) juga akan membekalkan setiap gelanggang yang baru dibina dengan 6 reket badminton, 4 dozen bulutangkis dan 2 jaring.

8. Yayasan Badminton Malaysia amat menyedari bahawa Projek 1001 Gelanggang Rakyat ini merupakan satu projek yang amat besar, dan hanya akan mencapai kejayaan jika semua yang terlibat menyumbang secara berkesan terhadap projek ini. Kita memerlukan sumbangan daripada sektor-sektor swasta dan orang perseorangan. Kita juga memerlukan kerjasama daripada semua kementerian yang berkaitan dan, lebih-lebih lagi, kita mahukan seluruh rakyat sama-sama mensambil bahagian terhadap kejayaan projek ini.

9. Saya berasa bangga memaklumkan bahawa sambutan awal dari sektor swasta adalah amat menggalakkan. Setiap gelanggang dengan lampu berharga lebih kurang RM5,000 akan dibina, dan sebuah dewan yang mengandungi sebuah gelanggang badminton berharga dalam lingkungan RM35,000. Bagi menentukan supaya gelanggang-gelanggang dibina di kawasan yang sesuai, maka YBM akan meminta bantuan dan pandangan setiap Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen. Kita merayu supaya setiap Ahli Parlimen membantu Yayasan Badminton Malaysia mencari tapak yang sesuai dalam kawasan masing-masing untuk pembinaan gelanggang tersebut. Kita juga amat berharap agar setiap Ahli Parlimen akan juga menyumbangkan sebuah gelanggang atau lebih untuk kawasan masing-masing. Yayasan Badminton Malaysia akan menyediakan lain-lain gelanggang dan peralatannya. Saya yakin rayuan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen tidak memberatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat malahan akan membuktikan prihatin Yang Berhormat-Yang Berhormat terhadap rakan-rakan muda dalam kawasan-kawasannya.

10. Kita juga berharap supaya semua ladang, pemaju kawasan-kawasan perumahan serta projek-projek pembangunan akan menyediakan gelanggang masing-masing sama ada sebuah gelanggang tertutup atau gelanggang biasa di setiap ladang atau projek mereka. YBM akan memberi bantuan teknik di mana perlu. Kami berharap juga Pelancaran Projek 1001 Gelanggang Rakyat akan menggalakkan orang perseorangan yang mempunyai kawasan lapang di sekeliling rumah mereka membina gelanggang

badminton dan menggalakkan jiran-jiran mereka sama bermain. Ini akan mengembalikan semula pertalian serta silaturahim yang sememangnya wujud antara jiran sejak bertahun-tahun dahulu. Semangat kejiranan melalui sukan boleh wujud.

11. Projek 1001 Gelanggang Rakyat juga akan melibatkan sekolah-sekolah. Keutamaan kita ialah untuk membina gelanggang bagi sekolah-sekolah yang masih ketandusan kemudahan ini. Kita juga berharap akan dapat membaik-pulih serta meningkatkan taraf kemudahan yang ada di sekolah-sekolah.

12. Yayasan ini akan bekerja rapat dengan beberapa kementerian dalam melaksanakan Projek 1001 Gelanggang Rakyat. Kementerian Belia dan Sukan dipercayai akan bekerjasama dengan Yayasan Badminton Malaysia dalam mewujudkan gelanggang- gelanggang nukelias sebagai sebahagian daripada Program Rakan Muda.

13. Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga akan bekerjasama melalui Projek Desa Wawasan. Projek ini melibatkan 500 buah kampung di seluruh negara yang akan dibekalkan sekurang-kurangnya sebuah gelanggang badminton setiap kampung. Yayasan Badminton Malaysia akan menggalakkan penubuhan Kelab-kelab Badminton di kampung-kampung ini.

14. Kementerian Pendidikan pula berjanji akan berusaha bersamasama Yayasan Badminton Malaysia bagi membina gelangganggelanggang di sekolah-sekolah yang masih tiada gelanggang dan juga membaiktaraf kemudahan-kemudahan yang sedia ada di sekolah-sekolah.

15. Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ingin bekerjasama dengan Yayasan Badminton Malaysia untuk menyediakan gelangganggelanggang badminton di Skim-skim FELDA di seluruh negara.

16. Bagi pihak YBM, saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada kementerian-kementerian tersebut atas usaha mereka memasuki sukan badminton dalam rancangan-rancangan Kementerian sendiri. Kami amat berharap agar kementerian-kementerian lain akan tampil bersama dalam projek membina sebanyak gelanggang di seluruh negara untuk rakyat.

17. Gelanggang pertama akan dibuka dengan rasminya di Daerah Kubang Pasu, Kedah pada 22 Julai 1995 di Mukim Binjal di mana sebuah gelanggang nukelias dan sebuah gelanggang biasa akan dibuka untuk umum. Pada hari yang sama sebuah lagi gelanggang akan dibuka di Mukim Malau, kira-kira 6 kilometer dari Binjal. Y.A.B. Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, selaku Ahli Parlimen Kubang Pasu akan merasmikan pelancaran projek ini di Binjal dan di Malau. Yayasan Badminton Malaysia akan membekalkan peralatan-peralatan seperti biasa bagi setiap gelanggang yang dibina. Tinggillah harapan YBM jika Yang Amat Berhormat sendiri membiayai gelanggang itu atau mana-mana yang lain dalam kawasan Parlimen Yang Amat Berhormat. Ini akan menggalakkan 191 Ahli-ahli Parlimen yang lain mengikuti contoh

Yang Amat Berhormat seperti cogan kata 'Kepimpinan Melalui Teladan'. Saya juga sukacita mengumumkan bahawa Kumpulan Berjaya telah bersetuju menyumbang sebuah gelanggang bagi setiap 21 mukim dalam Kubang Pasu.

18. Yayasan Badminton Malaysia amat terharu dengan sambutan awal daripada sektor swasta terhadap Projek 1001Gelanggang Rakyat ini. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada setiap dermawan kerana sumbangan mereka. Nama-nama mereka ada tercatat dalam buku cenderamata. Bagi menentukan supaya peristiwa bersejarah ini menjadi ingatan selama-lamanya, kami meminta setiap penderma menandatangani di kertas istimewa dalam jamuan ini. Dokumen yang berisi nama-nama penderma sebagai ahli-ahli perintis projek ini akan dipamerkan di Pejabat Yayasan Badminton Malaysia.

19. Ucapan terima kasih khas ditujukan kepada Kumpulan Berjaya kerana sudi menaja majlis yang permai malam ini. Begitu juga kepada penyanyi Yusni Hamid dan rakan-rakan beliau serta juruacara malam ini, Constance Haslam yang menyumbangkan tenaga mereka secara percuma sebagai sumbangan mereka kepada projek ini. Terima kasih dan syabas. Terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Tuan Haji Hashim, Pegawai Daerah Kubang Pasu, dan pegawai-pegawainya kerana memberi banyak nasihat, bantuan dan kerjasama kepada Yayasan terhadap usaha-usaha membina gelanggang pertama di Kubang Pasu dan menguruskan majlis-majlis pembukaan gelanggang-gelanggang itu.

20. Penghargaan ditujukan kepada pegawai-pegawai BAM dan semua Presiden dan Setiausaha Kehormat Persatuan Badminton peringkat negeri terhadap kerjasama dan komitmen mereka dalam pembangunan permainan badminton. YBM berharap mereka akan bersiap-sedia untuk mengaturkan 'coaching clinics' sebaik sahaja dewan nukelias dibina di kawasan-kawasan negeri.

21. Setinggi penghargaan kepada Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Badminton Malaysia dan Jawatankuasa Kerja Projek ini di atas usaha dan sumbangan mereka untuk menentukan projek ini mencapai kejayaan dan tiba ke kemuncaknya malam ini.

22. Akhir sekali, YBM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tetamu-tetamu sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk memberi makna dan keyakinan kepada YBM. Semoga kerjasama dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan berterusan.